

03/01/2003

Sekali lagi ketidakadilan Barat gagal ubah hakikat

SECARA simboliknya sepasukan 10 ahli payung terjun yang membuat terjunan dari tingkat 73, Menara Berkembar Petronas sempena sambutan tahun baru sejurus sebelum tengah malam Selasa lalu, cukup untuk menyimpulkan keyakinan terhadap betapa selamatnya Malaysia. Didatangkan khas dari Amerika Syarikat, Australia, Switzerland, Jerman, New Zealand dan Croatia bagi memeriahkan acara sambutan, ahli payung terjun profesional itu tidak pun terpengaruh dengan segala gembur-gembur di negara mereka sendiri kononnya Malaysia adalah antara sasaran pengganas selepas insiden pengeboman di Bali. Di sebalik 'amaran perjalanan' yang dikeluarkan Barat agar mengelakkan kunjungan ke Malaysia, negara ini terus menjadi tumpuan pelawat asing sebagaimana kemeriahan sambutan tahun baru kali ini membuktikannya tanpa sebarang keraguan.

Dari Johor Bahru hingga Kangar selain Kota Kinabalu dan Kuching tidak terkecuali, puluhan ribu rakyat daripada pelbagai lapisan, keturunan dan agama anutan, berpusu-pusu menantikan detik tengah malam yang dimeriahkan dengan pelbagai acara dan persembahan. Tidak ketinggalan menyertainya ialah pelawat asing dari pelbagai kewarganegaraan dan budaya yang tidak pun berasa ragu-ragu atau cemas terhadap segala gambaran buruk negara luar yang iri hati, mungkin menjadi kenyataan. Khabar angin yang tersebar luas sebelumnya menerusi e-mel yang dikenal pasti polis berasal dari negara jiran kononnya tempat tumpuan awam di negara ini akan diserang pengganas, nampaknya langsung tidak berbekas. Dentuman yang mbingitkan suasana bukanlah daripada bahan letupan, sebaliknya bunga api yang menambah keceriaan.

Ukuran terhadap betapa selamatnya Malaysia sebenarnya sudah diperlihatkan kepada dunia lebih awal dari itu. Majlis rumah terbuka Perdana Menteri sempena Aidilfitri di Putrajaya yang terpaksa dilanjutkan bagi menampung jumlah pengunjung yang terlalu ramai, majlis serupa di Jitra serta sambutan Krismas bersama rakyat di Melaka, bebas daripada sebarang bentuk ancaman. Bagi kesemua acara berkenaan, tiada kawalan keselamatan ketat dilakukan dan pengunjung juga tidak tertakluk kepada pemeriksaan badan. Kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri di KLCC tengah malam Selasa lalu dengan hanya diiringi pasukan keselamatan biasa adalah bukti lanjut bahawa sebarang usaha memburukkan Malaysia sebagai sasaran pengganas sebenarnya cuma berniat jahat.

Sebagai perbandingan, negara yang berasa terlalu hebat seperti Amerika Syarikat sekalipun sentiasa dirundung bimbang. Lama sebelum George W Bush dapat menjejakkan kaki di sesuatu majlis atau memenuhi jadual lawatan, pasukan keselamatannya terpaksa berhempas-pulas melakukan pemeriksaan setiap ruang dan laluan yang bakal dilalui Presiden Amerika itu bagi memastikan keselamatannya. Kadar jenayah yang tertinggi adalah di bandar raya negara itu tetapi Amerika terus memesongkan kebenaran dengan menuding jari ke arah pelbagai tempat lain sebagai tidak selamat. Persidangan tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang secara tradisinya berlangsung di Davos, turut dialih ke New York tahun lalu bagi menunjukkan kepada dunia bahawa Amerika masih selamat selepas serangan 11 September.

Sebaliknya, tiada daya usaha sedemikian diambil selepas pengeboman di Bali. Daripada Barat boleh diharapkan untuk memulihkan keadaan dengan mengerah pelbagai persidangan dan acara sambutan antarabangsa ke Bali, pelbagai amaran perjalanan dikeluarkan agar destinasi pelancong itu terus dipulaukan. Ketidakadilan Barat ini, terutama terhadap negara Dunia

Ketiga, hanya akan berterusan selagi pegangan 'might is right' terus dipaksakan ke atas negara lemah. Lambat-laun kebenaran akan terserlah juga. Sambil Barat boleh memesongkan perhatian ramai untuk sebahagian masa, mereka tidak boleh mengabui pandangan masyarakat antarabangsa buat selama-lamanya. Sambil mereka boleh terus mengadakan pelbagai alasan 'pendakwaan', Malaysia, terutamanya, sudah lama menggulung hujah 'pembelaan'. Dalam istilah mahkamah, negara ini sudah boleh menutup kesnya.